

# Pensyarah UMS bantu penulisan pelan pembangunan sukan negara

UB 24.4.2015 B15

KOTAKINABALU: Lt. Kol. (PA) Dr. Mohamad Nizam Nazarudin yang merupakan Pensyarah Kanan Sains Sukan Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah dilantik moderator dan ketua penulis bersama-sama wakil IPGM, UPSI, USM dan UiTM semasa Bengkel Penulisan Pelan Pembangunan Sukan 2015 - 2023 yang diadakan di sebuah hotel terkemuka di Port Dickson baru-baru ini.

Pemilihan beliau adalah berdasarkan rekod penerbitan dan pengalamannya khususnya berkenaan pembangunan sukan.

Nizam juga pernah terlibat



**MODERATOR** dalam kalangan wakil UMS, IPGM, UPSI, USM dan UiTM.

dengan pelan perancangan pembangunan sukan negara dan MASUM.

Beliau yang ditemui di UMS menyatakan bahawa,

pelantikan itu amat bermakna baginya kerana ini merupakan pengiktirafan terhadap pengalaman dan sumbangan beliau terhadap sukan negara.

Katanya, bengkel itu adalah langkah terbaik menyusun semula pelan pembangunan negara dan proses pendokumentasian yang sistematik.

Pelantikan Nizam ini turut

menaikkan nama Fakulti Psikologi dan Pendidikan serta UMS di peringkat kebangsaan.

Bengkel Penulisan Pelan Pembangunan Sukan 2015-2023 merupakan fasa penulisan Pelan Pembangunan Sukan yang mana melibatkan sebanyak 15 sukan iaitu sukan akuatik terjun, renang berirama, angkat berat, berbasikal, gimnastik artistik,



**KUMPULAN taekwondo bersama Nizam.**

gimrama, karate, lawn bowls, memanah, menembak, pelayaran, skuasy, taekwondo, tinju serta wushu.

Peserta bagi bengkel ini dihadiri oleh ahli-ahli akademik dari beberapa universiti tempatan yang bertindak sebagai moderator, presiden dan wakil-wakil dari Persatuan Sukan Kebangsaan, Pengurus Sukan Majlis Sukan

Negara serta jurulatih-jurulatih kebangsaan.

Bengkel selama empat hari ini telah dimulakan dengan taklimat, pembentangan halatuju program dan perjumpaan bersama Ketua Pengarah Majlis Sukan Negara, Dato Ahmad Shapawi Ismail.

Sepanjang bengkel ini pelbagai maklumat telah

dikumpul dan diterjemahkan dalam bentuk penulisan secara berkumpulan yang mengandungi wakil persatuan sukan dan pegawai MSN.

Proses penulisan ini juga adalah berdasarkan pada resolusi empat bengkel sebelum ini

Majlis penutupan bengkel telah disempurnakan Ahmad Shapawi Ismail.



**NIZAM (kanan) bersama Ahmad Shapawi.**



**PARA peserta bengkel bergambar bersama-sama dengan Ahmad Shapawi.**